

**SUHAIMI** Ibrahim

Universiti Putra Malaysia

**MOHAMMAD TAWFIK** Yaakub

Universiti Kebangsaan Malaysia

**JAYUM** Jawan

Universiti Putra Malaysia

## **PROFESIONALISME TENTERA ERA PRESIDEN SUSILO BAMBANG YUDHOYONO: DARI AGENDA REFORMASI KEPADA KEGAGALAN MISI**

### ***MILITARY PROFESSIONALISM IN INDONESIA: FROM REFORM AGENDA TO MISSION FAILURE***

*Artikel ini membincangkan tahap perkembangan profesionalisme tentera Indonesia pada zaman pemerintahan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (SBY). Kemenangan Presiden SBY dalam pilihan raya Presiden pada tahun 2004 pada awalnya dijangka mempengaruhi proses reformasi tentera bagi meningkatkan tahap profesionalismenya. Ramalan tersebut adalah berdasarkan kepada latar belakang beliau sebagai bekas pegawai kanan tentera yang memiliki pengalaman untuk mengemudi proses reformasi selepas era pemerintahan Presiden Megawati Soekarnoputri. Tindakan Presiden SBY untuk melaksanakan rancangan mereformasikan tentera menghadapi reaksi yang pelbagai dari pegawai-pegawai badan tersebut dan ahli politik di Indonesia. Walaupun tentera tidak lagi melakukan campur tangan seperti zaman Presiden sebelumnya, namun penglibatan berterusan tentera dalam beberapa aspek dilihat sebagai penghalang kepada usaha mengembalikan profesionalismenya. Oleh itu, untuk mengetahui dan memahami tahap profesionalisme tentera pada zaman Presiden SBY, maka artikel ini membincangkan langkah-langkah yang dilakukan beliau untuk mereformasikan badan tentera sepanjang pemerintahannya. Antara aspek yang ditumpukan dalam artikel ini ialah tahap penglibatan tentera dalam urusan politik, aktiviti perniagaan, tuntutan hak mengundi dalam pilihan raya, dan keprihatinannya terhadap hak asasi manusia. Hujah utama artikel ini ialah proses reformasi tentera dan tahap profesionalisme tentera di Indonesia pada zaman pemerintahan Presiden SBY berlaku secara merangkak.*

**Kata kunci:** profesionalisme tentera, Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono

*The election of Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) as Indonesia's president in 2004 gave rise to the expectation that the level of professionalism of the Indonesian military will also improve. This prospect is based on his background as a former senior military officer who has the experience to spearhead the reform process, but this expectation proved wrong. Although the military no longer intervenes in national politics as had happened in the past, but the former's continued engagement in business, politics and state owned enterprises is seen as an obstacle to the restoration of professionalism in the military. Therefore, in order to understand and analyse the level of military professionalism in SBY's presidency, this paper discusses the level of military involvement in Indonesia's political affairs, business, elections and the former's sensitivity towards human rights. In addition, this article will also discuss the steps taken by SBY in reforming the military during his reign. The main argument of this article is that military professionalism in Indonesia during President SBY's rule is slowly improving, although the pace by which this improves is rather slow.*

**Keywords:** *military professionalism, reform, Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono*

## Pengenalan

Kemenangan Leftenan Jeneral Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) dalam pilihan raya Presiden pada 20 September 2004 telah melakar sejarah politik Indonesia apabila beliau merupakan bekas pegawai kanan tentera pertama dipilih oleh rakyat untuk menjawat jawatan Presiden.<sup>1</sup> Selain itu, Parti Demokrat yang diketuai oleh SBY berjaya mengambil alih kerajaan dalam tempoh yang begitu singkat walaupun hanya selepas empat tahun ditubuhkan iaitu pada 9 September 2001.<sup>2</sup>

Kemenangan SBY pada pemilu tahun 2004 telah menimbulkan keraguan dalam kalangan rakyat dan musuh-musuh politiknya kerana beliau merupakan seorang bekas pegawai kanan tentera. Keraguan tersebut muncul kerana mereka berpendapat tanpa bantuan tentera dalam pemilu tahun 2004, maka peluang untuk Parti Demokrat menang besar dalam pilihan raya tersebut adalah tipis. Dalam pilihan raya umum tahun 2004, tentera tidak terlibat secara langsung dalam proses pemilihan, namun terdapat beberapa tindakan mereka yang membuktikan tentera masih berperanan dalam aktiviti politik.<sup>3</sup> Misalnya, mengeluarkan kenyataan berunsur sokongan kepada calon dan parti politik, pengaruh bekas pegawai tentera sebagai calon dalam pilihan raya dan tindakan mengangkut pengundi-pengundi di kawasan pedalaman dan pesantren ke pusat pengundian.<sup>4</sup>

Setelah mengambil alih kerajaan, SBY berusaha melakukan reformasi dan mengembalikan profesionalisme badan tentera, namun tindakannya dihambat dengan pelbagai halangan sehingga menyukarkan proses pembaharuan terhadap badan pertahanan tersebut. Bagi melihat sejauh manakah kejayaan SBY dalam memulihkan profesionalisme tentera ketika zaman pemerintahannya, artikel ini membincangkan serta menilai hal tersebut dengan lebih lanjut.

## Konsep Profesionalisme Tentera

Konsep profesionalisme tentera merupakan sebuah konsep yang memayungi seluruh perbincangan mengenai perkembangan tentera dalam analisis akademik. Konsep ini mula dibincangkan oleh Huntington pada tahun 1957 dan seterusnya diikuti oleh Nordlinger (1977), dan Stepan (1996) yang membahaskan dengan lebih lanjut mengenai ciri-ciri dan dimensi tentera profesional dari sudut yang berlainan.

Menurut Huntington (1957), tugas seorang tentera menuntut agar mereka mengamalkan prinsip profesionalisme. Ciri-ciri utama yang membezakan kerjaya seorang tentera dengan jawatan lain ialah keahlian, tanggungjawab sosial dan *corporateness*. Huntington turut menegaskan penampilan utama tentera adalah untuk mengurus keganasan melalui kepakarannya mengarah, mengoperasi dan mengendalikan sekumpulan manusia atau negara yang mengancam keselamatan dan kedaulatan negara yang didokongnya. Tentera juga perlu berhenti dari terlibat dengan aktiviti politik kerana penglibatan mereka dalam politik akan menghakis tugas hakiki mereka, bertentangan dengan kerjaya dan menghapuskan nilai-nilai profesionalisme. Ini dapat dilihat dari kenyataan Huntington (1957:7) seperti berikut:

*Politics is beyond the scope of military competence, and participation of military officers in politics undermine their professionalism, curtailing their professional competence, dividing the profession against itself, and substituting extraneous values for professional values. The military officer must remain neutral politically.*

Perkembangan badan tentera Indonesia sebelum era reformasi banyak tersasar dari prinsip profesionalismenya seperti yang dihujahkan oleh Huntington. Keadaan ini berlaku kerana tentera di Indonesia sering melakukan campur tangan dalam urusan politik negara dan menguasai parti pemerintah iaitu Golkar. Maka untuk melaksanakan proses reformasi dalaman, tentera di Indonesia perlu menjalankan tugas mereka berpandukan prinsip *objective civilian control* supaya sikap profesional tentera dapat diwujudkan.<sup>5</sup>

Bagi Nordlinger (1977), tentera merupakan seorang profesional yang mempunyai kuasa dalam menggunakan kekuatan senjata bagi mempertahankan

kedaulatan negara dari ancaman musuh. Menurutnya lagi, dimensi profesionalisme tentera ialah satu keadaan tentera yang amat mementingkan kuasa autonomi mereka, pihak awam tidak perlu melakukan campur tangan urusan dalaman tentera dan tidak boleh mempengaruhi tentera ketika tentera menjalankan tugas mereka. Tentera juga adalah kumpulan profesional kerana memiliki kemahiran dalam mengatur, mengarah, dan menggerakkan sesebuah organisasi bagi mempertahankan dan memerangi musuh yang mengancam keselamatan negara.

Penjelasan di atas menunjukkan tentera yang profesional memiliki kemahiran khusus dalam bidang ketenteraan, iaitu pertahanan negara atau perang melawan musuh yang mengancam kedaulatan negara. Profesionalisme tersebut merangkumi keistimewaan mengendalikan kekerasan, sama ada secara langsung atau sebaliknya dan mengurangkan potensi tentera untuk campur tangan dalam urusan pemerintah awam. Namun sekiranya pemerintah awam mengancam autonomi pihak tentera, maka keadaan ini akan menyebabkan berlakunya kecenderungan oleh pihak tentera untuk campur tangan dalam urusan kerajaan.<sup>6</sup> Campur tangan tentera dalam pemerintahan adalah bertentangan dengan prinsip profesionalismenya, manakala campur tangan pemerintah dalam pengurusan tentera pula adalah pelanggaran terhadap prinsip autonominya.

Stepan (1996) pula telah membezakan dua jenis profesionalisme iaitu pada kedudukan lama mengenai pertahanan luaran dan profesionalisme baru iaitu mengenai keamanan dalaman serta pembangunan nasional. Profesionalisme baru juga dikenali sebagai “keamanan nasional” yang cenderung kepada peranan tentera yang luas dalam politik. Oleh itu, dalam artikel ini profesionalisme lama yang diperkenalkan oleh Stepan adalah lebih tepat dan mempunyai kaitan dengan aspek pertahanan berbanding persoalan keamanan yang merupakan tugas pasukan polis. Menurut Stepan lagi, dalam konteks profesionalisme pertahanan luaran, penyertaan tentera adalah bersifat khusus berbanding penyertaan politik, malah kesan dari sosialisasi profesional akan menjadikan tentera lebih bersikap berkecuali dalam politik. Konsep “keamanan nasional” kemudiannya berkembang kepada “keamanan global” pada abad ke-20 dan dengan alasan inilah menyebabkan negara-negara kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat dan Britain menghalalkan tindakan mereka menceroboh negara lain. Misalnya tentera Britain telah mengalami perubahan dalam peranan sebagai badan penakluk selepas abad ke-17 kepada kuasa pengaman global setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua. Tentera Britain pada abad ke-20 bukan sahaja bertindak menyerang negara-negara yang dianggap musuh politiknya, tetapi pada masa yang sama berusaha memulihkan keamanan dan membangunkan semula sistem politik yang lumpuh dalam peperangan lalu. Maka tentera-tentera di negara maju khususnya di Britain telah bergerak selangkah ke hadapan iaitu bukan sahaja menepati konsep profesionalisme tentera baru dan lama seperti yang dinyatakan oleh Stepan,

malah memperkembangkan lagi peranannya sebagai pengaman politik di peringkat global.

Selain itu, untuk mewujudkan tentera sebagai sebuah badan profesional, Nordlinger (1977) dan Stepan (1996) juga menekankan bahawa adalah penting bagi tentera tidak terlibat dalam politik, memiliki kesedaran *esprit de corps*, mempunyai tanggungjawab sosial kepada rakyat dan negara, mengawal keputusan pemerintah awam yang sah berpandukan undang-undang dan tidak mengambil tindakan berasaskan kepada kemegahan kuasa yang dimiliki oleh mereka. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tentera perlu memiliki ciri-ciri profesionalisme seperti berikut, iaitu bersikap berkecuali dan tidak melibatkan diri dalam amalan politik, melaksanakan tugas hakiki sebagai pertahanan negara dan menentang ancaman musuh dari luar, memiliki disiplin, taat kepada undang-undang dan *le esprit de corps* yang tinggi, memiliki moral dan etika perajurit, membela dan melindungi masyarakat serta menghormati pihak berkuasa awam.

Walaupun Stepan dengan jelas menggariskan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh tentera untuk dikategorikan sebagai sebuah badan profesional, namun terdapat negara yang mengisyiharkan tentera sebagai tentera terbaik di dunia tetapi pada masa yang sama tidak menepati ciri-ciri yang dinyatakan oleh sarjana tersebut. Misalnya, pencabulan hak asasi manusia oleh tentera Amerika Syarikat di negara-negara yang dicerobohnya seperti Iraq, Afghanistan dan Jepun secara jelas melanggar moral dan etika seorang perajurit bagi melindungi keselamatan masyarakat awam. Pelanggaran nilai-nilai ini terus berlaku walaupun negara tersebut menubuhkan pelbagai pusat latihan tentera seperti Akademi Tentera Amerika Syarikat, Pusat Etika dan Profesionalisme Tentera (CPME) dan Junior Reserve Officers' Training Corps (JROTC) untuk melatih tentera negara tersebut dari aspek fizikal dan moral.

Oleh itu, perbincangan konsep profesionalisme tentera secara mendalam oleh Nordlinger, Huntington dan Stepan di atas dapat menjelaskan peranan dan ciri-ciri sebenar tentera yang profesional. Sesebuah badan tentera hanya dapat dikategorikan sebagai profesional sekiranya menepati ciri-ciri dan melaksanakan peranannya dengan betul seperti yang dibincangkan oleh sarjana-sarjana di atas. Maka dengan menggunakan konsep profesionalisme tentera sebagai pisau analisis, artikel ini menilai secara analitikal mengenai proses reformasi tentera pada zaman pemerintahan SBY.

## **Susilo Bambang Yudhoyono Sebagai Presiden Indonesia**

Pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden pada 20 September 2004 menyaksikan pertandingan sengit melibatkan Megawati Soekarnoputri, Wiranto, Hamzah Haz, Amien Rais dan SBY bersama gandingan masing-masing bagi jawatan Timbalan Presiden. Calon jawatan Presiden dari Parti Demokrat, iaitu SBY dan gandingannya, Jusuf Kalla dalam aktiviti kempen

di seluruh Indonesia membuat pelbagai tawaran melalui manifesto mereka. Antaranya ialah perubahan dalam ekonomi untuk menambahkan pendapatan penduduk miskin, memerangi gejala rasuah, kronisme dan nepotisme dalam pemerintahan, melakukan reformasi menyeluruh terhadap badan tentera, berjanji memansuhkan unit Komando Tentera Wilayah dan menamatkan konflik antara tentera dan pejuang pemisah di wilayah Aceh (Rudy 2004:28). Kandungan manifesto ini disampaikan berulang kali oleh SBY dalam setiap rapat umum dan perkara yang paling mendapat perhatian rakyat ialah tawaran beliau untuk melakukan reformasi terhadap badan tentera.

Sokongan rakyat terhadap SBY semakin meningkat apabila beliau turut berjanji untuk melaksanakan manifesto tersebut dalam tempoh 100 hari setelah mengambil alih jawatan Presiden. Pengalaman beliau sebagai bekas pegawai kanan tentera adalah salah satu penyumbang sokongan rakyat kepada SBY untuk melaksanakan proses reformasi tentera secara berperingkat, berbanding kaedah pembaharuan drastik semasa pemerintahan Gus Dur (Akbar Faizal & Dwitri Waluyo 2005:316). Bagi menunjukkan tentera berusaha untuk mengembalikan prinsip profesional mereka, Panglima TNI iaitu Jeneral Endiarto Sutarto telah menyatakan pendirian untuk tidak menyokong dan memihak kepada mana-mana parti politik termasuklah parti pemerintah dalam pemilu pada tahun 2004. Kenyataan Panglima TNI ini menjelaskan tentera semakin memahami tugas sebenar mereka sebagai sebuah badan pertahanan dan bukannya berperanan mencampuri urusan politik.

Dalam pemilihan Presiden pusingan pertama, SBY dan gandingannya, Jusuf Kalla berjaya memperoleh 33.57 peratus mendahului calon-calon lain. Bekas Presiden iaitu Megawati dan gandingannya, Hasimushadi hanya memperoleh 26.60 peratus undi, manakala Jeneral (B) Wiranto yang turut bertanding dalam pemilihan tersebut berada pada kedudukan ketiga apabila hanya memperoleh 22.15 peratus undi. Pemilihan Presiden pusingan pertama pada tahun 2004 menarik untuk dibincangkan kerana turut disertai oleh dua bekas pegawai tentera iaitu SBY dan Wiranto. Kemenangan SBY mengalahkan Wiranto dalam pemilihan pusingan pertama ini menjelaskan kedudukan dan pangkat dalam tentera tidak lagi menjadi faktor penyumbang kepada kemenangan dalam pilihan raya. Keadaan ini terbukti apabila SBY yang memiliki jawatan yang lebih rendah dalam badan tentera berjaya menewaskan Wiranto dan calon-calon lain dalam pilihan raya pada tahun 2004. Selain itu, kekalahan Wiranto turut disebabkan kejayaan musuh politiknya mempengaruhi rakyat menjelang pemilu dengan menuduh beliau terlibat dengan pelbagai kes pencabulan hak asasi manusia ketika berkhidmat sebagai Panglima TNI (Schwarz 2004:33).

Walaupun SBY dan Jusuf Kalla berjaya mendahului jumlah peratusan undi dalam pemilihan pusingan pertama, namun mereka tidak dapat dilantik terus memegang jawatan yang ditandingi kerana memerlukan sekurang-kurangnya 50 peratus undi. Oleh itu, pemilihan pusingan kedua

terpaksa dijalankan melibatkan pertandingan di antara SBY dan Megawati Soekarnoputri bersama-sama gandingan mereka. Dalam pemilihan pusingan kedua tersebut, SBY berjaya menewaskan Megawati apabila memperoleh 60.62 peratus undi berbanding Megawati yang hanya mendapat 39.38 peratus undi (Cederroth & Antlov 2004:16). Kejayaan meraih undi lebih 50 peratus itu melayakkan SBY dan Jusuf Kalla dilantik secara rasminya memegang jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Indonesia.

Sebelum SBY menjawat jawatan Presiden, tentera di Indonesia masih memainkan peranan secara tidak langsung dalam menentukan halatuju politik di negara tersebut walaupun telah berikrar untuk menamatkan campur tangan dalam urusan politik. Selain itu, beliau turut terlibat dalam menentukan keputusan penting dalam pentadbiran tentera misalnya pelantikan Panglima TNI dan pegawai-pegawai kanan tentera. Presiden SBY juga tidak konsisten ketika membuat keputusan berkaitan dengan pengurusan tentera dan bertindak menukar kembali keputusannya, sekiranya dilihat menggugat kepentingan politik beliau sebagai pemerintah.

Kelicikan SBY menguasai tentera secara tersembunyi menyebabkan rakyat tidak sedar tindakannya itu dan beliau dianggap sebagai satu-satunya Presiden yang berjaya mereformasikan tentera tanpa wujud sebarang penentangan. Keadaan ini menyebabkan rakyat tertipu dengan kejayaan palsu SBY yang dilihat mampu mereformasikan badan tentera, maka beliau akhirnya diberi kepercayaan sekali lagi oleh rakyat apabila menang dalam pilihan raya pada tahun 2009. Dalam pilihan raya tersebut, SBY berjaya menewaskan Megawati Soekarnoputri dan bekas timbalannya, Muhammad Jusuf Kalla dengan hanya satu pusingan pemilihan sahaja. Beliau memperolehi 59.7 peratus undi berbanding Megawati sebanyak 20.60 peratus manakala Muhammad Jusuf Kalla hanya memperoleh 28.22 peratus undi di tempat yang ketiga (Aspinall & Mietzner 2010:73).

Kejayaan SBY meneruskan pemerintahannya untuk penggal kedua dilihat membantutkan proses reformasi tentera untuk kembali kepada prinsip profesionalisme sepenuhnya. Matlamat pejuang reformasi selepas pengunduran Soeharto pada tahun 1998 sebenarnya adalah untuk melihat tentera kembali kepada prinsip profesional, namun tentera pada zaman SBY sehingga kini masih belum berjaya merealisasikan tuntutan tersebut sepenuhnya. Oleh itu, bahagian berikutnya membincangkan secara terperinci tahap profesionalisme tentera pada era pemerintahan SBY sebagai Presiden Indonesia.

### **Profesionalisme Tentera Era Presiden Susilo Bambang Yudhoyono**

Kesungguhan SBY untuk melakukan pembaharuan dalam tentera bagi mengembalikan profesionalismenya dapat dilihat ketika beliau baru mengambil alih jawatan Presiden dari penyandang sebelumnya. Sebelum SBY menjawat jawatan Presiden, Megawati telah mengusulkan kepada Dewan

Permesyuaratan Rakyat (DPR) untuk melantik Jeneral Ryamizard Ryacudu sebagai Panglima TNI yang baru. Tindakan Megawati mengusulkan nama Jeneral Ryamizard Ryacudu sebagai Panglima TNI adalah kerana beliau ingin membalas jasa Jeneral Ryamizard yang mendesak Abdurrahman Wahid untuk meletakkan jawatan.<sup>7</sup> Cadangan Megawati tersebut disokong oleh majoriti ahli-ahli Parlimen, khususnya wakil dari parti PDI-P kerana Jeneral Ryamizard Ryacudu diyakini senang dikuasai oleh pemerintah.

Namun, selepas memenangi jawatan Presiden, SBY membatalkan usul yang dilakukan oleh Megawati kerana beliau meragui keprofesionalan Jeneral Ryamizard sebagai Panglima TNI yang baru. Keraguan SBY itu disandarkan kepada beberapa peristiwa kegagalan Jeneral Ryamizard menyelesaikan konflik dan pencabulan hak asasi manusia di wilayah-wilayah yang sedang bergolak. Ketika SBY menganggotai kabinet Megawati, beliau menolak cadangan Jeneral Ryamizard untuk melancarkan operasi ketenteraan bagi menyelesaikan pergolakan di wilayah Aceh. Perbezaan pendirian ini menyebabkan hubungan antara SBY dan Ryamizard menjadi buruk dan merupakan faktor utama beliau membatalkan pelantikan Jeneral Ryamizard sebagai Panglima TNI.

Presiden SBY kemudiannya memilih Marsekal Djoko Suyatno sebagai Panglima TNI dan tindakannya itu telah mendapat respons yang baik dari rakyat. Di satu pihak, mereka menyokong tindakan SBY kerana beliau dilihat bersungguh-sungguh untuk melaksanakan reformasi tentera di Indonesia, apatah lagi pelantikan Marsekal Djoko Suyanto mencatatkan sejarah baru dalam Angkatan Tentera Indonesia kerana beliau merupakan pegawai tentera udara pertama yang dilantik sebagai Panglima TNI. Di satu pihak yang lain, tindakan SBY ini dikritik kerana mereka mendakwa pemilihan Marsekal Djoko Suyanto dilihat sebagai usaha untuk menyuburkan kembali amalan kronisme dan nepotisme dalam badan tentera. Buktiya apabila SBY melantik pegawai-pegawai yang memiliki hubungan kekeluargaan dan persahabatan dengannya seperti Herman Prayitno dilantik sebagai Ketua Staf Angkatan Udara TNI, dan Jeneral Ewin Sujono serta Brigadier Jeneral Edi Wibowo, iaitu iparnya dilantik sebagai Timbalan Komandan Kopasus dan Pangkostad (Crouch 2010:134). Tindakan SBY membenarkan amalan kronisme dan nepotisme berkembang dalam pentadbirannya menyebabkan beliau dilihat mengulangi semula corak pemerintahan Soeharto ketika era Orde Baru.<sup>8</sup>

Oleh itu, bagi mengelakkan amalan kronisme dan nepotisme dari terus berkembang dalam badan tentera, Ketua DPR iaitu Agung Laksono telah mengingatkan pegawai-pegawai TNI untuk menjalankan tugas mereka dengan penuh bertanggungjawab. Selain itu, beliau juga mempertikaikan penglibatan pasukan Komando Strategi dan Cadangan Angkatan Darat (Kostad) sebagai salah satu divisyen dalam Markas Besar TNI (Barker & Klinken 2009:220). Tindakan Ketua DPR ini memperlihatkan Parlimen masih lagi berperanan dalam menasihatkan tentera, namun institusi tersebut sebenarnya tidak lagi

terlibat secara langsung dalam menentukan pengurusan organisasi TNI. Tahap profesionalisme tentera pada era pemerintahan SBY tidak boleh dikategorikan sebagai terbaik kerana masih wujud kebergantungan antara pemerintah dan tentera bagi mengimbangi kuasa di antara satu sama lain. Keadaan ini jelas kelihatan apabila pemerintah masih mencaturkan kepimpinan dalam badan tentera dan peranan tentera yang diperlukan pemerintah untuk menyelesaikan konflik di wilayah-wilayah yang sedang bergolak.

Semasa zaman pemerintahan SBY, masih terdapat beberapa konflik wilayah yang belum diselesaikan, misalnya di Aceh dan Papua. Konflik yang tercetus ini melibatkan pertempuran antara tentera dengan kumpulan pemisah tempatan yang menuntut kemerdekaan dari Indonesia. Konflik di wilayah-wilayah tersebut berterusan sehingga zaman pemerintahan SBY kerana penyelesaian dapat dicapai walaupun beberapa kali rundingan damai dijalankan. Walaupun SBY merupakan bekas pegawai tentera, namun beliau memilih pendekatan rundingan damai berbanding operasi ketenteraan bagi meredakan ketegangan di wilayah-wilayah tersebut. Beliau memilih pendekatan ini kerana enggan mengulangi kesilapan Presiden sebelumnya yang menggunakan tindakan kekerasan sehingga menyebabkan ramai penduduk awam menjadi korban.

Tindakan SBY menukar strategi penyelesaian daripada operasi ketenteraan kepada rundingan damai telah dikritik oleh sebilangan ahli akademik, pemimpin-pemimpin parti politik pembangkang dan beberapa bekas pegawai tentera.<sup>9</sup> Mereka menyatakan sekiranya kerajaan memilih kaedah rundingan damai, maka peluang Aceh untuk merdeka dari Indonesia akan lebih cerah dan tindakan beliau itu merugikan negara. Kenyataan itu kemudiannya disokong dengan dapatan kajian oleh Prof. Dr. Ermaya, Gabenor Lembaga Ketahanan Nasional (Lemhanas) yang menjelaskan perjanjian damai di antara kerajaan Indonesia dan GAM merugikan pemerintah. Beliau dengan tegas menyatakan kerajaan akan kehilangan kuasa memungut hasil cukai dan perundangan Islam sekiranya Aceh diberikan kuasa autonomi (Miller 2009:205). Dapatan kajian beliau kemudiannya telah disanggah oleh Jusuf Kalla, Timbalan Presiden dengan menegaskan kenyataan Prof. Dr. Ermaya tidak bertanggungjawab kerana tidak menyokong polisi kerajaan. Akhirnya beliau ditamatkan perkhidmatannya sebagai Gabenor Lemhanas serta merta dan digantikan oleh Prof. Dr. Muladi. Tindakan pemerintah menamatkan perkhidmatan Prof. Dr. Ermaya menunjukkan institusi penyelidikan tersebut masih lagi dikongkong dan dikuasai oleh pemerintah.

Selain itu, tentera juga tidak mempersetujui kaedah rundingan damai kerana bimbang wilayah Aceh berjaya memperoleh kemerdekaan. Usaha pemerintah untuk mendapatkan kerjasama tentera amat sukar kerana badan itu sebelumnya telah menyatakan pendirian bahawa mereka tidak akan bertolak ansur dengan kumpulan pemisah yang menuntut kemerdekaan. Akhirnya Panglima TNI, Jeneral Endiarto Sutarto terpaksa akur dengan permintaan

pemerintah dengan alasan mereka lebih mengutamakan kehendak rakyat dan sentiasa taat kepada bangsa serta negara. Tindakan tentera yang akhirnya akur dengan permintaan pemerintah merupakan kejayaan yang besar kepada SBY dan beliau yakin tentera akan menamatkan operasi mereka di wilayah Aceh bagi menghormati kehendak kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Walaupun tentera di peringkat awal sukar menerima kaedah yang digunakan oleh pemerintah untuk menangani konflik kumpulan pemisah di Aceh, namun badan tersebut akhirnya akur kepada kehendak kerajaan awam. Tentera dalam konteks konflik di Aceh tidak boleh bertindak secara sendirian tanpa mandat rakyat, maka badan ini perlu merujuk semula kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk menentukan tindakan terbaik walaupun melibatkan soal pertahanan negara. Tindakan tentera yang akur kepada permintaan pemerintah untuk memilih kaedah rundingan damai di Aceh menunjukkan badan tersebut semakin profesional dengan menghormati keputusan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Rancangan mereformasikan badan tentera untuk mengembalikan profesionalismenya sentiasa dilakukan secara berterusan oleh SBY sehingga penggal kedua pemerintahannya. Oleh itu, bahagian berikutnya membincangkan langkah-langkah pembaharuan yang dilakukan oleh SBY bermula pada tahun 2004 sehingga tahun 2009.

### **Halangan Presiden SBY Untuk Mereformasikan Badan Tentera Indonesia**

Proses reformasi tentera pada zaman pemerintahan Presiden SBY dapat dilihat dari lima isu utama, iaitu pemansuhan unit Tentera Komando Wilayah Angkatan Darat, pencabulan hak asasi manusia (HAM), hak pengundian tentera dalam pilihan raya, campur tangan tentera dalam urusan perniagaan dan peranan tentera dalam pemerintahan. Kelima-lima isu ini merupakan perkara signifikan untuk menilai reformasi tentera pada zaman pemerintahan SBY.

Pertama, pemansuhan unit Tentera Komando Wilayah Angkatan Darat penting kerana unit ini semenjak di awal penubuhannya tidak menjalankan tugas sebagai badan pertahanan, sebaliknya diperalatkan oleh Soeharto untuk menghancurkan musuh politiknya. Dalam kempen pilihan raya pada tahun 2004, Parti Demokrat telah berjanji untuk memansuhkan divisyen Tentera Komando Wilayah Angkatan Darat.<sup>10</sup> Tawaran memmansuhkan unit khas tentera tersebut bertujuan membuktikan kepada rakyat parti politik itu bersungguh-sungguh ingin menamatkan campur tangan tentera dalam politik. Namun ramai pegawai tentera menyarankan kepada SBY agar tidak meneruskan hasratnya bagi menjamin keselamatan negara dari ancaman dalam dan luaran.

Menurut Ketua Staf Angkatan Darat iaitu Jeneral Djoko Santoso, Indonesia kini sedang menghadapi pelbagai ancaman termasuklah dari kumpulan pemisah dan penganas. Beliau menjelaskan bagi menghadapi segala kemungkinan itu, TNI tidak sepatutnya membubarkan Tentera Komando Wilayah sebaliknya perlu menambah jumlah anggotanya (Sebastian 2006:68).

Pemerkasaan semula Tentera Komando Wilayah dilihat sebagai usaha oleh tentera darat untuk memperkuuhkan kembali penglibatannya dalam politik. Namun, beberapa peristiwa serangan pengganas yang muncul semasa pemerintahan SBY menyebabkan beliau akhirnya menangguhkan pemansuhan unit tentera khas tersebut. Pemerintah bukan sahaja tidak membubarkan unit ini, malah SBY telah mengarahkan Panglima TNI untuk mengambil alih tugas polis di wilayah-wilayah yang sedang bergolak seperti di Aceh, Poso dan Maluku.

Tindakan SBY mengarahkan tentera ke wilayah bergolak mendapat bantahan sebahagian rakyat kerana mereka meragui keupayaan Tentera Komando Wilayah untuk menyelesaikan konflik di wilayah tersebut. Bantahan tersebut timbul kerana Tentera Komando Wilayah telah melakukan pelbagai salahguna kuasa ketika era pemerintahan Soeharto. Pada era pemerintahan Soeharto, beliau telah memperalatkan Tentera Komando Wilayah untuk memusnahkan parti-parti pembangkang atas alasan untuk menghancurkan kumpulan pengganas. Kekejaman Tentera Komando Wilayah pada era Soeharto itu menyebabkan rakyat menjadi curiga untuk menerima keputusan kerajaan untuk mengekalkan unit khas tentera di wilayah tersebut. Selain itu, rakyat juga melahirkan rasa bimbang jika tercetus pertempuran di antara Tentera Komando Wilayah dengan pasukan polis kerana kedua-dua badan itu memiliki hubungan yang buruk semenjak polis dipisahkan daripada ABRI pada tahun 1999. Bagi meredakan kebimbangan rakyat pada ketika itu, Panglima TNI Jeneral Endiarto Sutarto menyatakan TNI akan merombak kurikulum latihan tentera bagi menyesuaikannya dengan konsep paradigma baru dan menubuhkan sebuah pasukan khas untuk memantau tugas Tentera Komando Wilayah (Sebastian 2006:320).

Menurut Panglima TNI Jeneral Endiarto Sutarto, rombakan kurikulum latihan tersebut adalah langkah untuk menyakinkan rakyat terhadap tentera dan menunjukkan badan itu sentiasa berusaha mengembalikan profesionalismenya. Sebelum rombakan kurikulum latihan dilakukan, TNI melatih anggotanya dengan kurikulum sosial dan politik, namun dalam rombakan ini kursus tersebut digantikan dengan kursus hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan. Tahap profesionalisme tentera selepas rombakan kurikulum latihan masih tidak meningkat kerana proses mengembalikan profesionalisme badan tersebut memerlukan masa yang lama. Maka bahagian berikut membincangkan dengan terperinci kes-kes pencabulan hak asasi manusia semasa SBY berkhidmat sebagai pegawai tentera dan ketika memegang jawatan Presiden Indonesia. Perbincangan turut menyentuh mengenai tindakan dan kejayaan Presiden SBY untuk menangani isu pencabulan hak asasi manusia oleh tentera. Tujuan perbincangan ialah untuk mengenalpasti tindakan reformasi yang dijalankan SBY semasa zaman pemerintahannya dan impak perubahan tersebut terhadap tahap profesionalisme tentera di Indonesia.

Isu pencabulan hak asasi manusia juga merupakan isu penting

yang dihadapi oleh Susilo dalam mereformasikan profesionalisme tentera. Isu ini mula dibangkitkan oleh parti-parti pembangkang dalam kempen pilihan raya Presiden tahun 2009 apabila mereka mendakwa Presiden SBY bertanggungjawab terhadap serangan tentera di pejabat Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDI-P). Dalam peristiwa 27 Julai 1996, ramai ahli-ahli Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDI-P) telah terkorban dan SBY pada ketika itu memegang jawatan sebagai Ketua Staf Komando Militer Jakarta Raya (Hedman 2008:35). Presiden-presiden yang mengetuai kerajaan sebelum SBY tidak mengambil sebarang tindakan untuk mendakwanya di mahkamah, sebaliknya mereka mengambil keputusan untuk mendiamkan diri demi menjaga hubungan baik dengan tentera. Sekiranya mereka bertindak mengheret SBY ke mahkamah, tindakan itu akan menyebabkan tentera melancarkan pemberontakan terhadap pemerintah kerana SBY memiliki pengaruh yang luas dalam organisasi tentera.

Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh parti-parti pembangkang telah ditangkis segera oleh SBY dan beliau menyatakan individu yang seharusnya bertanggungjawab dalam peristiwa tersebut ialah Panglima TNI, Jeneral Faisal Tanjung. Menurutnya lagi, Panglima TNI mempunyai kuasa dalam peristiwa tersebut untuk mengarahkan tentera bertindak terhadap orang awam yang sedang berkumpul di hadapan pejabat PDI-P. Jelasnya lagi, beliau pada ketika itu hanya bertindak atas arahan yang diberikan oleh Panglima TNI dan beliau tidak memiliki kuasa untuk membuat keputusan bagi mengarahkan serangan. Serangan tersebut telah membangkitkan kemarahan dan menimbulkan reaksi negatif dalam kalangan rakyat memandangkan proses pembaharuan tentera sedang dilakukan oleh pemerintah (Aspinall 2005:162).

Selain itu serangan di pejabat Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDI-P), Presiden SBY menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan isu pencabulan hak asasi manusia oleh tentera apabila seorang aktivis masyarakat dan hak asasi manusia di Indonesia, iaitu Munir Said Thalib telah dibunuh. Aktivis ini dibunuh ketika dalam penerbangan pesawat Garuda dari Jakarta ke Amsterdam dan pelbagai pihak mengesyaki tentera terlibat dalam pembunuhan tersebut. Dakwaan penglibatan tentera dalam pembunuhan itu timbul kerana Munir merupakan satu-satunya aktivis masyarakat yang lantang mengkritik pencabulan hak asasi manusia oleh tentera di Indonesia (Castle 2011:5). Presiden SBY telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Penyiasat bagi meredakan kemarahan rakyat yang bertujuan mengenalpasti dalang di sebalik pembunuhan aktivis tersebut. Dalam siasatannya, jawatankuasa tersebut gagal mendapatkan kerjasama daripada orang awam dan tentera yang disenaraikan sebagai saksi utama, malah seorang pegawai tentera iaitu Lettenan Jeneral AM Hendropriyono bertindak memboikot sesi soal siasat. Beliau menyatakan Jawatankuasa Khas Penyiasat yang ditubuhkan SBY tersebut tidak layak untuk mengadilinya kerana SBY adalah bekas anggota tentera di bawah unitnya. Presiden SBY kemudiannya mengambil sikap berdiam diri dengan kenyataan

Leftenan Jeneral AM Hendropriyono dan tidak mengenakan sebarang dakwaan kepada pegawai-pegawai tentera yang tidak bekerjasama. Tindakan beliau itu bertujuan mengelakkan krisis dengan tentera dan sebagai langkah untuk menjaga hubungan baik yang sedia terjalin dengan badan pertahanan tersebut (Aspinall 2005:101).

Bagi menunjukkan beliau berusaha melakukan reformasi tentera, Presiden SBY telah mengambil tindakan tegas dengan mendakwa pegawai-pegawai tentera yang terlibat dalam kes pencabulan HAM di wilayah-wilayah bergolak. Misalnya, mahkamah telah menjatuhkan hukuman mati kepada tiga anggota tentera yang terlibat dalam kes pencabulan HAM di wilayah Poso sehingga mengakibatkan ratusan penduduk Islam terbunuh.<sup>11</sup> Tindakan kerajaan mendakwa pegawai-pegawai tentera terlibat disokong oleh penduduk-penduduk di wilayah terbabit, malah mereka turut mendesak kerajaan agar meneruskan siasatan terhadap pegawai-pegawai tentera di Aceh, Maluku dan Papua. Namun usaha untuk menyiasat penglibatan tentera dalam kes pencabulan HAM di wilayah terbabit sehingga kini masih belum menunjukkan sebarang hasil kerana tentera enggan dihadapkan ke mahkamah awam. Oleh itu, proses mengembalikan profesionalisme tentera pada zaman pemerintahan SBY tergendala sehingga menyebabkan semua kes salah laku tidak berjaya diselesaikan. Keadaan sebaliknya berlaku di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat dan Britain apabila anggota tentera yang melakukan pencabulan HAM ketika menjalankan operasi di Iraq dan Afghanistan didakwa di mahkamah. Malah sekiranya pegawai atau anggota terbabit didapati bersalah, mereka akan ditamatkan perkhidmatan sebagai anggota badan pertahanan itu. Tindakan mendakwa anggota tentera terbabit menunjukkan pemerintah dan badan tentera di negara tersebut bersungguh-sungguh menjaga profesionalisme mereka berbanding di Indonesia.

Selain itu, SBY semasa pentadbirannya telah menggubal Undang-Undang Mahkamah Tentera bagi mendakwa tentera-tentera yang telah melakukan pencabulan HAM terhadap masyarakat awam. Matlamat penggubalan undang-undang tersebut sehingga kini masih lagi belum berjaya kerana terdapat percanggahan pandangan di antara pihak kerajaan dan Parlimen mengenai pembahagian bidang kuasa. Kerajaan pada ketika itu mahu anggota tentera yang terlibat dalam salah laku dihadapkan ke Mahkamah Tentera, manakala majoriti ahli-ahli Parlimen pula mahu anggota tentera yang terlibat dengan jenayah membabitkan pihak awam didakwa di Mahkamah Awam. Akhirnya Parlimen bersetuju meminda Undang-Undang Nombor 31 Tahun 1997 yang bertujuan untuk menubuhkan sebuah Mahkamah Tentera bagi membicarakan pelbagai salah laku anggota tentera.

Berdasarkan ketetapan oleh pihak Parlimen, tentera mengumumkan bahawa mereka tidak bersetuju dengan cadangan pindaan terhadap Undang-Undang Nombor 31 Tahun 1997. Dalam pindaan tersebut, tentera yang melakukan kesalahan jenayah melibatkan masyarakat awam akan dibicarakan

di Mahkamah Awam, manakala bagi kesalahan tatatertib dan etika pula, anggota tentera akan didakwa di Mahkamah Tentera. Bantahan dari tentera timbul kerana mereka ingin melindungi kes pencabulan HAM dan salah guna kuasa yang dilakukan terhadap penduduk awam dari terdedah ketika perbicaraan di Mahkamah Awam dijalankan. Kes-kes salah laku yang melibatkan anggota-anggota tentera sebelum ini dibicarakan di Mahkamah Tentera secara tertutup dan tidak diketahui oleh rakyat, manakala kes yang membabitkan pegawai-pegawai tentera pula hanya diselesaikan dalam mesyuarat dalaman organisasi (Pramoedya Ananta Toer, Koesalah Soebagyo Toer & Ediati Kamil 1999:296). Tentera dalam pada itu menegaskan mereka mempunyai hak untuk menentukan kaedah pengurusan organisasinya dan Mahkamah Awam tidak memiliki kuasa untuk mengadili mereka. Dalam reaksinya, Presiden SBY menyerahkan kepada tentera untuk membuat keputusan mengenai penubuhan Mahkamah Tentera dan menegaskan Parlimen tidak boleh memaksa tentera menerima keputusan mereka (McGregor 2007:39-45).

Oleh itu, perbincangan di atas menjelaskan tentera pada era pemerintahan SBY bersungguh-sungguh mempertahankan kedudukan eksklusif badan tersebut, namun tentera gagal dalam mempertahankan prinsip profesionalisme dalam sesetengah tindakannya. Tindakan mempertahankan dan melindungi hak tentera bukan sahaja melibatkan konteks perundangan, tetapi juga dalam isu pengundian. Tahap profesionalisme tentera pada zaman pememerintahan SBY khususnya dalam isu pencabulan HAM tidak berubah, namun beliau sentiasa berusaha melakukan reformasi bagi memastikan badan tersebut kembali menjalankan fungsi asalnya. Bahagian berikutnya membincangkan mengenai isu pemberian hak mengundi kepada tentera dalam pilihan raya semasa era pemerintahan Presiden SBY.

Semasa zaman pemerintahan Presiden Soeharto, tentera tidak dibenarkan mengundi dalam pilihan raya, namun mereka secara automatiknya diperuntukkan sejumlah kerusi di Parlimen. Isu pemberian hak mengundi kepada anggota-anggota tentera kembali dibangkitkan semula pada zaman pemerintahan SBY apabila Panglima TNI mencadangkan kepada kerajaan untuk menggantikan kerusi Parlimen tentera yang telah dimansuhkan dengan kebenaran untuk mengundi. Panglima TNI, Marsekal Djoko Suyatno telah memohon kepada Parlimen dan Presiden SBY untuk membenarkan tentera mengundi dalam pilihan raya pada tahun 2009. Namun, permintaan Panglima TNI tersebut telah ditolak dengan baik oleh SBY dan beliau meminta tentera untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada proses reformasi. Tentera menerima keputusan tersebut dan menyatakan mereka sedia berbincang dengan pemerintah bagi memastikan hak mereka sebagai warganegara diberi perhatian oleh kerajaan. Tindakan SBY menolak permohonan tentera bertujuan untuk mengelakkan penyertaan semula tentera dalam politik dan bagi memastikan badan itu bebas daripada pengaruh politik kepartian. Selain itu, keputusan tersebut merupakan satu peluang yang terbaik kepada tentera

untuk meneruskan proses reformasi bagi mengembalikan profesionalismenya tanpa tersasar dari matlamat asalnya (Cederroth & Antlov 2004:91).

Dalam respons terhadap isu tersebut, Panglima TNI menyatakan pemberian hak mengundi dalam pilihan raya kepada tentera dapat mempercepatkan proses reformasi dan pada masa yang sama hak mereka sebagai warganegara dapat diiktiraf. Namun bagi Menteri Pertahanan, Juwono Sudarsono permintaan tersebut tidak ditolak sepenuhnya oleh kerajaan, tetapi keputusan permohonan tersebut ditunda kepada tahun 2014. Alasan kerajaan menunda permintaan tentera ialah kerana tahap ekonomi dan kebijakan tentera pada waktu itu berada dalam keadaan yang lemah dan ahli-ahli politik akan mengambil kesempatan memperalatkan tentera sekiranya rancangan tersebut dilaksanakan segera (Mietzner 2009:326). Cadangan membenarkan tentera untuk mengundi menimbulkan rasa curiga dalam kalangan parti-parti pembangkang kerana menurut mereka, SBY dan tentera berkemungkinan memanipulasi undi tentera dalam pilihan raya 2009. Sekiranya hak pengundian diberikan kepada tentera, maka tindakan tersebut bukan sahaja menguntungkan SBY, tetapi juga kepada tentera. Wakil-wakil tentera yang menang dalam pilihan raya berpeluang dilantik memegang jawatan-jawatan seperti bupati dan gabenor. Walaupun undang-undang baru tentera melarang anggota-anggotanya terlibat dalam politik, namun mereka sebenarnya masih lagi boleh bergerak secara individu dengan menyertai aktiviti parti politik.<sup>12</sup>

Meskipun SBY semasa zaman pemerintahannya berusaha untuk melaksanakan proses reformasi tentera, namun beliau masih dihambat dengan pelbagai halangan dankekangan. Antaranya ialah keengganan tentera untuk bekerjasama, kesukaran memansuhkan unit Tentera Komando Wilayah dan perlindungan yang diberikan badan tentera terhadap anggotanya. Oleh itu, perbincangan bahagian ini mendapati proses reformasi tentera pada zaman pemerintahan Presiden SBY adalah sama seperti era Megawati apabila kedua-duanya telah tersasar dari landasan matlamat asalnya. Kegagalan melaksanakan pembaharuan ini menyebabkan tentera masih gagal mengembalikan prinsip profesionalismenya, malah tahap profesionalisme tentera pada ketika itu semakin merosot berbanding era pemerintahan presiden sebelumnya. Antara pembaharuan yang masih gagal dilaksanakan oleh SBY ialah pemansuhan unit Tentera Komando Wilayah dan menyelesaikan kes pencabulan HAM yang diwarisi zaman Presiden-Presiden sebelumnya.

Selain isu pencabulan HAM, Parti Demokrat dalam pilihan raya umum pada tahun 2004 turut berjanji untuk menghentikan penyertaan tentera dalam perniagaan. Dalam kempen-kempen pilihan raya tahun 2004, calon-calon dari Parti Demokrat menegaskan sekiranya mereka berjaya membentuk kerajaan maka semua syarikat milik tentera akan dimiliki negara. Pemilikan negaraan tersebut dapat membantu kerajaan menyalurkan hasil keuntungan syarikat untuk kebijakan rakyat berbanding sebelumnya yang hanya dinikmati oleh sebahagian pegawai-pegawai tinggi tentera. Manifesto

yang dijanjikan oleh Parti Demokrat itu akhirnya dilaksanakan oleh pentadbiran SBY apabila kerajaan menggubal Undang-Undang Tentera Nombor 32 Tahun 2004. Kerajaan telah memberikan tempoh selama lima tahun kepada pengurusan syarikat untuk merekodkan segala maklumat dan kemudiannya membuat serahan sepenuhnya untuk dimilik negara (Haseman & Rabasa 2002:74). Pengambilalihan syarikat-syarikat milik tentera oleh kerajaan bertujuan untuk memastikan tentera kembali menjalankan tugas mereka sebagai badan pertahanan negara. Selain itu, dengan berakhirnya penglibatan tentera dalam aktiviti perniagaan, maka kerajaan dapat mengurangkan peruntukan dana tahunan untuk bidang pertahanan. Sekiranya kerajaan tidak menghentikan penyertaan tentera dalam aktiviti perniagaan, maka mereka terpaksa membelanjakan dana yang banyak untuk membeli kelengkapan tentera dengan harga yang begitu tinggi kesan daripada amalan rasuah (Robison 2009:250).

Tindakan Presiden SBY menamatkan urusan pembelian senjata oleh tentera juga bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penjualan senjata secara haram kepada kumpulan-kumpulan pemisah dan penduduk di kawasan yang dilanda konflik.<sup>13</sup> Di wilayah-wilayah bergolak seperti di Aceh dan Ambon, penjualan senjata haram berlaku secara berleluasa oleh orang ketiga yang memperolehnya secara terus dari kumpulan-kumpulan tentera tertentu. Penduduk di kawasan terbabit memiliki pelbagai jenis senjata api yang menyerupai senjata milik tentera dan keadaan ini menyukarkan kerajaan untuk menghapuskan penyokong pemberontak yang menyembunyikan senjata di rumah-rumah mereka. Berdasarkan perkembangan tersebut, Prof. Dr Juwono Sudarsono selaku Menteri Pertahanan mengumumkan bahawa tugas pembelian kelengkapan tentera akan diambil alih oleh Jabatan Pertahanan. Tujuan pengambilalihan itu adalah untuk mencegah penjualan senjata secara haram dan menyelamatkan dana kerajaan dalam pembelian kelengkapan tentera.

Pembelian senjata oleh tentera juga menyebabkan berlakunya peningkatan harga dan amalan rasuah kerana tentera tidak menjelaskan secara terperinci mengenai harga serta komisyen yang diterima oleh orang ketiga yang menguruskan pembelian terbabit dari negara luar. Oleh itu, Presiden SBY telah mengarahkan tentera menghentikan pembelian kelengkapannya dari negara-negara luar dan menyarankan pembelian senjata buatan tempatan.<sup>14</sup> Tujuan utama menghentikan urusan pembelian senjata oleh tentera dari luar negara ialah untuk menghapuskan penyelewengan dana pertahanan oleh pegawai-pegawai tentera yang tidak bertanggungjawab. Sebagai pegawai kanan tentera, penyelewengan dana pertahanan adalah salah satu bentuk pengkhianatan terhadap negara dan melanggar sumpah perajurit yang dilafazkan oleh mereka ketika mula menyertai tentera. Seorang tentera yang dikategorikan sebagai profesional perlu mahir dalam melaksanakan tugas pertahanan negara, bukannya memanipulasi kedudukannya untuk kepentingan diri. Inilah yang dinyatakan oleh Huntington (1957) dalam membahaskan mengenai konsep

profesionalisme tentera berkaitan tanggungjawab badan tersebut terhadap keselamatan bangsa dan negara. Penyelewengan dana menyebabkan kualiti senjata turut terjejas dan pada masa yang sama boleh mengancam keselamatan negara.

Walaupun tentera pada zaman pemerintahan SBY masih terlibat dengan aktiviti perniagaan, namun bilangan kes yang dilaporkan semakin berkurangan setelah tindakan diambil oleh kerajaan untuk menanganiinya. Pun begitu, statistik tersebut bukanlah kayu ukur untuk menentukan reformasi tentera telah berjaya pada zaman pemerintahan SBY. Jika dibandingkan dengan zaman Soeharto dan Presiden-Presiden sebelumnya, tahap profesionalisme tentera masih lagi tidak meningkat walaupun pelbagai langkah dilakukan oleh Presiden SBY. Keadaan ini berlaku kerana tentera memerlukan tempoh yang lebih panjang untuk menjalankan proses reformasi secara perlahan dan berperingkat.

Selain itu, tentera pada zaman Soeharto juga masih lagi terlibat dalam bidang politik dan pentadbiran negara. Ini kerana Presiden SBY masih melantik beberapa bekas pegawai tentera sebagai menteri dan timbalan menteri, misalnya Laksamana (Purnawirawan) Widodo A.S (Kabinet Sesi 2004) dan Marsekal TNI (Purnawirawan) Djoko Suyanto (Kabinet Sesi 2009) sebagai Menteri Koordinator Undang-Undang, Politik dan Keamanan, Letjen TNI (Purnawirawan) Sudi Silalahi (Kabinet Sesi 2009), Menteri Sekretaris Negara, dan Jeneral (Purnawirawan) Sjafrie Sjamsoeddin, Timbalan Menteri Pertahanan. Antara faktor yang menyebabkan Presiden SBY masih melantik bekas pegawai tentera sebagai menteri dan timbalan menteri adalah kerana beliau memiliki hubungan yang baik dengan mereka semenjak berkhidmat dalam badan tentera. Selain itu, tindakan yang dilakukan oleh SBY itu bertujuan untuk meredakan tuntutan hak mengundi oleh tentera yang telah ditolak olehnya pada tahun 2009. Walaupun Presiden SBY hanya melantik bekas pegawai-pegawai kanan tentera untuk menganggotai kabinetnya, namun tindakan tersebut menunjukkan tentera masih memiliki pengaruh dalam kerajaan (Miller 2009:64).

Keadaan ini menunjukkan reformasi untuk mengembalikan profesionalisme tentera belum lagi berjaya kerana terdapat ramai lagi pegawai tentera diberi peluang untuk memegang jawatan dalam kerajaan. Sekiranya Presiden SBY bersungguh-sungguh ingin melaksanakan proses reformasi tentera, beliau telah lama menamatkan perkhidmatan pegawai tentera dalam kerajaan. Namun sebaliknya berlaku apabila SBY mengekalkan kedudukan pegawai-pegawai tentera tersebut sehingga penggal kedua pemerintahannya.

## Kesimpulan

Kemenangan SBY dalam pilihan raya Presiden pada tahun 2004 menandakan bermulanya era baru badan tentera di bawah kerajaan awam yang dipimpin

oleh bekas pegawai tentera. Rakyat memberikan sokongan yang besar kepada SBY dalam pilihan raya umum tersebut kerana beliau menunjukkan komitmen yang bersungguh-sungguh untuk mereformasikan badan tentera. Pelbagai rancangan dan tindakan reformasi dilakukan oleh Presiden SBY bermula pada awal pemerintahannya sehingga kini, namun semua matlamat beliau tidak berjaya dicapai sepenuhnya.

Rancangan SBY untuk melakukan reformasi terhadap tentera dinilai berdasarkan dua penggal pemerintahannya sebagai Presiden Indonesia, namun pencapaiannya berbeza jika dibandingkan dengan zaman presiden sebelumnya kerana proses reformasi bukan sekadar bergerak secara merangkak, tetapi terus tercampak dari landasan matlamatnya. Kegagalan Presiden SBY melaksanakan program reformasi tentera dibuktikan melalui tindakan tidak bersungguh beliau memansuhkan unit Tentera Komando Wilayah Angkatan Darat, menyelesaikan isu pencabulan hak asasi manusia dalam kalangan tentera, rancangan pemberian hak mengundi dalam pilihan raya, penyertaan tentera dalam aktiviti perniagaan dan penglibatan dalam pemerintahan. Analisis terhadap kelima-lima faktor ini mencukupi untuk menilai sama ada Presiden SBY berjaya atau gagal dalam menjalankan proses reformasi tentera bagi mewujudkan sebuah organisasi pertahanan yang profesional. Oleh itu, perbincangan artikel ini mendapatkan tahap profesionalisme tentera pada zaman pemerintahan Presiden SBY tidak berubah dan kekal seperti era presiden sebelumnya.

### **Nota Akhir**

1. Pemilihan umum (Pemilu) Presiden dan Timbalan Presiden Indonesia diadakan pada setiap lima tahun sekali mengikut sistem dua pusingan (*two round system*) dan dijalankan secara langsung oleh rakyat. Dalam amalan sistem dua pusingan ini, pasangan calon Presiden dan Timbalan Presiden yang memperoleh lebih 50 peratus dari jumlah keseluruhan pemilih dalam pusingan pertama akan diisyitharkan pemenang. Sekiranya tiada pasangan calon yang berjaya mendapatkan jumlah peratusan undi tersebut, maka dua pasangan calon yang memperoleh undi pertama dan kedua tertinggi akan bertanding dalam pemilihan pusingan kedua. Untuk perbincangan lanjut tentang hal ini, rujuk Leo Suryadinata (2002) dan Aspinall & Mietzner (2010).
2. Parti Demokrat ditubuhkan secara rasminya pada 9 September 2001 oleh Susilo Bambang Yudhoyono berikutan kekalahannya dalam pilihan raya Presiden pada tahun yang sama. Parti ini menyertai pilihan raya pertama untuk memilih Presiden dan Timbalan Presiden pada tahun 2004 dan calonnya, Susilo Bambang Yudhoyono berjaya memenangi pemilihan tersebut. Kemenangan tersebut merupakan kejayaan terbesar Parti Demokrat kerana berjaya membentuk kerajaan

- buat kali pertama dan mengekalkan kemenangan dalam pilihan raya umum pada tahun 2009 walaupun baru sahaja ditubuhkan. Untuk maklumat lanjut mengenai hal ini, rujuk Akbar Faizal & Dwitri Waluyo (2005) dan Garda Maeswara (2009).
3. Pelbagai kenyataan berunsurkan politik dikeluarkan oleh bekas-bekas pegawai tentera bagi menunjukkan sokongan mereka kepada parti-parti politik dan calon-calon tertentu dalam pilihan raya Presiden pada tahun 2004. Misalnya, Mejari Jeneral (B) Kivlan Zen menyatakan tentera melalui Komando Wilayah akan memberi sokongan kepada bekas pegawai tentera yang menjadi calon bagi jawatan Presiden. Antara tindakan tentera yang membuktikan mereka masih terlibat dalam politik ialah apabila badan tersebut turut membantu aktiviti kempen bekas pegawai tentera yang menjadi calon pemilu tahun 2004. Selain itu, tentera juga terlibat membawa pengundi-pengundi di Pondok Al-Zaitun Jawa Barat dengan trak-trak tentera ke pusat pemilihan untuk membuang undi dan pada masa yang sama turut mempengaruhi penghuni pondok untuk memilih Jeneral Wiranto. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Cederroth & Antlov (2004) dan Schwarz (2004).
4. Institusi pengajian pondok atau lebih dikenali sebagai pesantren di Indonesia adalah sebuah institusi pendidikan terawal di wilayah Nusantara yang mula ditubuhkan pada abad ke-16 Masihi. Perkataan ‘pondok’ berasal dari bahasa Arab yang bermaksud khemah, iaitu merujuk kepada tempat persinggahan sementara bagi pengembara. Istilah pondok terkenal sebagai tempat tinggal yang diduduki oleh pelajar-pelajar yang datang ke satu tempat untuk mempelajari ilmu-ilmu agama dengan berbekalkan barang keperluan sendiri. Tenaga pengajar atau ulama yang mengajar di pesantren-pesantren seluruh Indonesia dikenali sebagai kiyai, manakala pelajar-pelajar pula dikenali sebagai santri. Bilangan pesantren di Indonesia pada 2011 mencecah 25,000 buah dan bilangan pelajarnya seramai 3.65 juta orang. Undi dari penghuni-penghuni pesantren di Indonesia amat signifikan kepada parti-parti politik menjelang pilihan raya memandangkan jumlahnya yang besar dan pelajar-pelajar akan memilih calon yang direstui oleh kiyai pondok atas dasar taat kepada guru mereka. Untuk perbincangan lanjut tentang hal ini, rujuk Ahmad Baedowi (2011).
5. Konsep *objective civilian control* dan *subjective civilian control* diperkenalkan oleh Samuel Huntington untuk membincangkan pembahagian hubungan tentera dan masyarakat. Konsep *objective civilian control* merujuk kepada kawalan yang dilakukan oleh pihak awam terhadap tentera secara objektif di mana undang-undang yang digubal membentuk satu keadaan saling mengiktiraf peranan antara

- satu sama lain. Keadaan ini kemudiannya mencetuskan satu prinsip tidak campur tangan oleh pihak pemerintah awam dan mewujudkan tingkah laku profesional oleh pihak tentera. Konsep *subjective civilian control* pula adalah satu bentuk kawalan yang dilakukan oleh pihak awam kepada pihak tentera secara subjektif di mana tentera tidak dapat bertindak bebas. Pihak pemerintah menggunakan tentera sebagai alat mengekalkan kedudukannya sehingga mengikis imej tentera sebagai sebuah pasukan penjaga keamanan yang profesional. Bagi memperoleh maklumat lanjut mengenai hal ini, rujuk Loveman (1999), Abdul Malik Haramain (2004) dan Connie Rahakundini Bakrie & Nur Iman Subono (2007).
6. Isu ini boleh dilihat dalam kes-kes di negara benua Afrika seperti Ghana dan Nigeria yang menunjukkan pihak tentera terlibat secara langsung dalam pemerintahan apabila berlakunya rampasan kuasa terhadap kerajaan awam yang dianggap gagal melaksanakan demokrasi dan pembangunan. Setelah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Ghana ditadbir secara bersilih ganti melibatkan kerajaan awam dan tentera. Ahli politik awam hanya berjaya menguasai sepenuhnya kerajaan tanpa campur tangan tentera pada tahun 1993. Pada tahun 1993, tentera di Ghana menyerahkan sepenuhnya pemerintahan kepada rakyat apabila parti-parti politik di bawah gabungan Fourth Republic menang besar dalam pilihan raya umum pada penghujung tahun 1992. Di Nigeria, tentera juga sering melakukan rampasan kuasa terhadap kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan penglibatan tentera dalam politik di negara tersebut tamat pada tahun 1998 apabila Jeneral Sani Abacha yang mengetuai kerajaan tentera meninggal dunia. Kematian beliau menamatkan penyertaan tentera dalam pemerintahan dan membuka laluan semula kepada pertumbuhan demokrasi di negara tersebut. Manakala di Thailand, tentera seringkali mempengaruhi keputusan yang dilaksanakan oleh pemerintah awam semenjak berlakunya revolusi pada 24 Jun 1932 yang dilancarkan oleh sekumpulan pemimpin awam dan tentera. Penglibatan terkini tentera dalam politik di Thailand berlaku pada tahun 2006 apabila tentera yang dipimpin oleh Jeneral Sonthi Boonyaratglin merampas kuasa dari kerajaan awam yang diketuai oleh Perdana Menteri ketika itu, Thaksin Shinawatra. Untuk perbincangan lanjut mengenai hal ini, rujuk Strickland, Lemoine & Testa (2001), Siollun (2009) dan Funston (2009).
7. Ketika Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) sedang mengadakan Sidang Khas bagi memecat Abdurrahman Wahid dari jawatan Presiden, Jeneral Ryamizard Riacudu bersama-sama anggotanya telah mengepung Istana Merdeka untuk memberi tekanan kepada beliau supaya meletakkan jawatan. Berdasarkan sikap ketaatan yang

- ditonjolkan beliau inilah menyebabkan Megawati mencadangkannya sebagai Panglima TNI kerana mengenang budinya menyokong pelantikan Megawati sebagai Presiden. Bagi perbincangan lanjut mengenai peristiwa ini, lihat Crouch (2010).
8. Ketika era pemerintahan Soeharto sebagai Presiden, beliau melantik adik dan menantunya iaitu Mejaz Jeneral Wismoyo Arismunandar serta Leftenan Jeneral Prabowo Subianto sebagai Panglima Kostad. Pelantikan pegawai kanan tentera yang memiliki hubungan persaudaraan itu bertujuan memudahkan lagi beliau menguasai dan mengawal badan pertahanan tersebut. Apabila jawatan-jawatan tinggi dikuasai oleh individu kepercayaan Presiden Soeharto, maka sebarang keputusan dalam pentadbiran tentera akan ditentukan oleh beliau dan langkah tersebut sekaligus dilihat menghakis prinsip profesionalisme tentera. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Vatikiotis (2004) dan McIntyre (2005).
9. Antara yang mengkritik strategi rundingan damai SBY untuk menyelesaikan konflik di wilayah Aceh dan wilayah bergolak lain ialah seperti Prof. Dr. Ermaya dari Lembaga Ketahanan Nasional (Lemhanas), Kolonel (B) Adjie Suradji iaitu bekas pegawai kanan Angkatan Tentera Udara TNI dan Ketua Umum PDI Perjuangan, Megawati Soekarnoputri. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Denny & Surdasis (2006) dan Garda Maeswara (2009).
10. Unit Tentera Komando Wilayah ditubuhkan ketika era pemerintahan Presiden Soeharto bagi tujuan politiknya untuk menghancurkan pengaruh PKI dan penyokong-penyokong Soekarno. Semasa penggal pertama pemerintahannya, SBY bercadang membubarkan unit khas tentera ini, namun terpaksa menangguhkannya kerana negara tersebut sedang berhadapan dengan beberapa siri serangan pengganas di Bali dan Jakarta. Keadaan tersebut menyebabkan beliau mengekalkan kewujudan unit khas tentera ini sehingga pada hari ini, namun dirombak dengan pelbagai fungsi baru, misalnya mengawal perkembangan gerakan pemisah, pemberontakan dan jenayah sempadan. Untuk perbincangan lanjut mengenai hal ini, rujuk Elson (2001).
11. Rusuhan di Poso pada 25 Disember 1998 berlaku rentetan daripada pergaduhan di antara dua individu, iaitu Ridwan Ramboni yang beragama Islam dan Roy Runtu Bisalemba, pengikut agama Kristian Protestan. Dalam pergaduhan tersebut, Ridwan Ramboni terbunuh lalu membangkitkan kemarahan penduduk Poso beragama Islam yang lain sehingga menyebabkan berlakunya pertempuran di antara satu sama lain. Tentera kemudiannya bertindak memasuki kawasan pertempuran dan menggunakan kekerasan bagi mengawal rusuhan yang sedang memuncak sehingga menyebabkan 200 ratus penduduk

- Islam terbunuh dan puluhan lagi mengalami kecederaan. Untuk perbincangan lanjut tentang hal ini, rujuk Hasrullah (2009).
12. Undang-Undang Tentera Nasional Indonesia nombor 34 (UU No 34/2004) yang digubal pada tahun 2004 melarang penglibatan anggota tentera dalam politik, menjalankan aktiviti perniagaan dan kedudukan tentera sebagai badan pertahanan negara dijamin selagi sistem politik negara tersebut berlandaskan kepada prinsip demokrasi. Dalam undang-undang tersebut juga dinyatakan mengenai pelaksanaan tugas tentera berdasarkan kepada ketertinggian sivil, hak asasi manusia, keluhuran undang-undang nasional dan penghormatan kepada undang-undang antarabangsa. Untuk perbincangan lanjut tentang hal ini, rujuk Sebastian (2006) dan Human Rights Watch Report-Indonesia (2006).
13. Pada tahun 2006, polis telah menemui 145 pucuk senjata api, 28 ribu butir peluru dan 26 buah teropong serta kelengkapan tentera yang lain di rumah Brigadier Jeneral Koesmayadi. Brigadier Jeneral Koesmayadi pada ketika itu menjawat jawatan sebagai Ketua Pembantu Staf Logistik Tentera Nasional Indonesia (TNI) dan beliau meninggal dunia pada 25 Jun 2006. Penemuan tersebut menjelaskan bahawa terdapat pegawai tentera yang bekerjasama dengan sindiket untuk menjual senjata api yang dimiliki oleh TNI secara haram di pasaran gelap. Ulasan lanjut mengenai hal ini, lihat Meitzner (2009a).
14. Terdapat tiga buah syarikat yang mengeluarkan senjata dan kelengkapan tentera di Indonesia iaitu Perusahaan Angkatan Laut (PAL), PT Dirgantara Indonesia (PT DI) dan Perusahaan Industri Angkatan Darat (PINDAD). Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Sherly A. Suherman (2009).

## Rujukan

- Abdul Malik Haramain. 2004. *Gus Dur, militer, dan politik*. Jakarta: LKiS Yogyakarta.
- Ahmad Baedowi. 2011. *Al-Zaytun the untold stories: investigasi terhadap pesantren*. Jakarta Timur: Pustaka Alvabet.
- Akbar Faizal & Dwitri Waluyo. 2005. *Parti Demokrat dan SBY*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Aspinall, E. & Mietzner, M. 2010. *Problems of democratisation in Indonesia: elections, institutions and society*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Aspinall, E. & Mietzner, M. 2005. *Opposing Suharto: compromise, resistance, and regime change in Indonesia*. Stanford: Stanford University Press.

- Barker,J. & Klinken, V.A.G.2009. *State of authority: the state in society in Indonesia*. Ithaca: Cornell Southeast Asia Program Publications.
- Castle, W.J. 2011. *Indonesia: political pulse 2009*. New York: Equinox Publishing.
- Cederroth, S.& Antlov, H.2004. *Elections in Indonesia: the new order and beyond*. London: Routledge Curzon.
- Connie Rahakundini Bakrie& Nur Iman Subowono. 2007. *Pertahanan negara dan postur TNI ideal*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Crouch, H. 1972. Military politics under Indonesia's New Order. *Journal of Pacific Affairs* 45(2): 206-219.
- Crouch, H. 1979. Patrimonialism and military rule in Indonesia. *Journal of World Politics* 31(4): 571-587.
- Crouch, H. 1988. *The army and politics in Indonesia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Crouch, H. 1985. The military and diplomatic struggle. Dlm.Wild, C. & Carey, P. (pnyt).*Born in Fire*, hlm. 141-151. Ohio: Ohio University Press.
- Crouch, H. 2000. *Indonesia: democratization and the threat of disintergration*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Crouch, H.2007.*The army and politics in Indonesia*. Singapore: Equinox Publishing.
- Crouch, H.2010. *Political reform in Indonesia after Soeharto*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Denny, J.A. & Surdiasis, F. 2006. *Melewati perubahan: sebuah catatan atas transisi demokrasi Indonesia*. Yogyakarta: LKIS Yogyakarta.
- Dunning, T. 2005. Resource dependence, economic performance, and political stability. *The Journal of Conflict Resolution* 49(4): 451-482
- Elson, E.R. 2001. *Suharto: a political biography*. London: Cambridge University Press.
- Emmers, R. 2005. Regional hegemonies and the exercise of power in Southeast Asia: a study of Indonesia and Vietnam. *Asian Survey* 45(4): 645-655.
- Funston, J. 2009. *Divided over Thaksin: Thailand's coup and problematic transition*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Garda Maeswara. 2009. *Biografi politik Susilo Bambang Yudhoyono*. Yogyakarta: Penerbit Narasi.
- Haseman, B.J & Rabasa, A.2002. *The military and democracy in Indonesia: challenges, politics and power*. New York: RAND's Publication.
- Hasrullah.2009. *Dendam konflik Poso periode 1998-2000: konflik Poso dari perspektif komunikasi politik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Hedman, E.L.E. 2008. *Conflict, violence, and displacement in Indonesia*. Ithaca: Cornell Southeast Asia Program Publications.
- Hill, T.D. 2011. On the border: local media in the land of Papua. Dlm. Krishna Sen & Hill, T.D. (pnyt). *Politics and the media in twenty-first century*

- Indonesia: decade of democracy*, hlm. 26-48. New York: Routledge.
- Honna, J. 2003. *Military politics and democratization in Indonesia*. New York: Routledge.
- Human Rights Watch World Report. 2006. *Indonesia*. New York: Seven Stories Press.
- Huntington, S. 1957. *The soldier and the state: the theory and politics civil-military relations*. Cambridge: Harvard University Press.
- Kammen, D. & Siddharth Chandra. 2002. Generating reforms and reforming generations: military politics in Indonesia's democratic transition and consolidation. *Journal of World Politics* 55(1): 96-136
- Kammen, D. & Siddharth Chandra. 2010. *A tour of duty: changing patterns of military politics in Indonesia in the 1990s*. Singapore: Equinox Publishing Asia.
- Ketut Putra Erawan. 1999. Political reform and regional politics in Indonesia. *Asian Survey* 39(4): 588-612.
- Kingsbury, D. 2001. Succession politics in Indonesia: the 1998 presidential elections and the fall of Suharto. *Asian Survey* 74(1): 137-148.
- Kingsbury, D. 2006. Indonesia in 2006: cautious reform. *Asian Survey* 47(1) 155-161.
- Kingsbury, D. 2007. Indonesia in 2007: unmet expectations, despite improvement. *Asian Survey* 48(1): 38-46.
- Larson, V.E. & Peters, J. 2001. *Preparing the U.S. army for homeland security: concepts, issues, and options*. Arlington: Rand Publications.
- Leo Suryadinata. 2002. *Elections and politics in Indonesia*. Singapore: Seng Lee Press.
- Loveman, B. 1999. *For la Patria: politics and the armed forces in Latin America*. New York: Schorlarly Resources.
- Malley, S. M. 2002. Indonesia in 2001: restoring stability in Jakarta. *Asian Survey* 42(1): 124-132.
- McIntyre, A. 2005. *The Indonesian presidency: the shift from personal toward constitutional rule*. New York: Rowman Littlefield Publisher.
- McGregor, E. K. 2007. *History in uniform: military ideology and the construction of Indonesia's past*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Mieke Kooistra. 2001. *Indonesia: regional conflicts and state terror*. London: Minority Rights Group International.
- Mietzner, M. 2006. *The politics of military reform in post-Suharto Indonesia: elite conflict, nationalism, and institutional resistance*. Singapore: Utopia Press.
- Mietzner, M. 2009a. *Military politics, Islam, and the state in Indonesia: from turbulent transition to democratic consolidation*. Singapore: Utopia Press.
- Mietzner, M. 2009b. Indonesia in 2008: Yudhoyono's struggle for reelection.

- Asian Survey* 49(1): 146-155.
- Miller, A.M. 2009. *Rebellion and reform in Indonesia: Jakarta's security and autonomy policies in Aceh*. New York: Routledge.
- Mujamil Qomar. 2005. *Pesantren: dari transformasi metodologi menuju demokratisasi institusi*. Jakarta: PT Gelora.
- Mohamed C. Othman. 2005. *Accountability for international humanitarian law violations: the case of Rwanda and East Timor*. New York: Springer.
- Nordlinger, E.A. 1977. *Soldiers in politics: military coups and governments*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Norhaidi Hasan. 2006. *Laskar Jihad: Islam, militancy, and the quest for identity in post-New Order Indonesia*. Ithaca: Cornell Southeast Asia Program Publications.
- Pambudi, A. 2009. *Sintong dan Prabowo*. Yogyakarta: Med Press.
- Pramoedya Ananta Toer, Koesalah Soebagyo Toer & Ediati Kamil. 1999. *Kronik revolusi Indonesia*. Jakarta: Gramedia.
- Robinson, M. K. 2009. *Gender, Islam and democracy in Indonesia*. New York: Routledge.
- Robison, R. 2008. *Indonesia: the rise of capital*. Singapore: Equinox Asia Publishing
- Rudy, S. Pontoh. 2004. *Janji-janji dan komitmen SBY-JK: menabur kata, menanti bukti*. Yogyakarta: Media Pressindo.
- Saiful Mujani & Liddle, W.R. 2005. Indonesia in 2004: the rise of Susilo Bambang Yudhoyono. *Asian Survey* 45(1): 119-126.
- Schwarz, A. 2004. *Indonesia: the 2004 election and beyond*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Sebastian, C.L. 2006. *Realpolitik ideology: Indonesia's use of military force*. Singapore: Utopia Press.
- Sherly A. Suherman. 2009. *Made in Bandung*. Bandung: Mizan Media Utama Publishing.
- Siollun, M. 2009. *Oil, politics and violence: Nigeria's military coup culture*. New York: Algora Publishing.
- Stepan, C. A. 1996. *Problems of democratic transition and consolidation*. Maryland: John Hopkins University Press.
- Strickland, J. Lemoine, F. & Testa, D.W.D. 2001. *Government leaders, military rulers, and political activists*. New York: Greenwood Publishing.
- Williams, R.L. 2009. *Military register of custer's last command*. New York: University of Oklahoma Press.
- Woodier, J. 2008. *The media and political change in Southeast Asia: karaoke culture and the evolution of personality politics*. Massachusetts: Edward Elgar Publishing.
- Vatikiotis, J.R.M. 1993. *Indonesian politics under Suharto: order, development, and pressure for change*. New York: Routledge.
- Vatikiotis, J.R.M. 1998. Romacing the dual function: Indonesia's armed forces

- and the fall of Soeharto. Dlm. Forrester, G. & May, J.R (pnyt). *The fall of Soeharto*, hlm. 154-166. Sydney: Crawford House.
- Vatikiotis, J.R.M. 2004. *Indonesian politics under Suharto: the rise and fall of the New Order*. New York: Routledge.

### **Nota Biografi**

Suhaimi Ibrahim memperoleh ijazah sarjana dari Universiti Malaya. Beliau telah melakukan banyak penyelidikan tentang politik Thailand, Indonesia dan Malaysia. Sekarang ini, beliau sedang menyiapkan ijazah Ph.D beliau tentang profesionalisme tentera di Indonesia dan Thailand di Universiti Putra Malaysia [e-mel: dsi@yahoo.com].

Mohammad Tawfik Yaakub berkelulusan sarjanamuda dan sarjana Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Minat penyelidikan beliau adalah tentang peranan tentera dan demokrasi di Indonesia. Sekarang ini beliau bekerja sebagai pembantu penyelidik [e-mel: tawfikyaakub@yahoo.com].

Jayum Anak Jawan adalah Profesor Politik dan Kerajaan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana dari Appalachian State University, Amerika dan Ijazah Ph.D dari University of Hull, England—kedua-duanya dalam bidang Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa. Sejak menyertai UPM pada tahun 1982, beliau telah memegang beberapa jawatan penting di universiti. Antaranya ialah ahli senat (2011-2014), wakil senat dalam jawatankuasa kenaikan pangkat (2012-2014), ahli dalam jawatankuasa pemilih pengarah institut dan pusat (2011-2014), dan Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah) di Fakulti Ekologi Manusia, UPM (2009-2013). Minat penyelidikan beliau adalah tentang pilihan raya, khususnya dengan melihat kepada peranan kumpulan minoriti di Sabah dan Sarawak [e-mel: jayum@putra.edu.com.my].